


- 1 Situasi manakah yang berkaitan dengan sumber ekonomi?
- I Keindahan pantai Pulau Tioman menjadi tumpuan pelancong
 II Puan Siti membeli bahan mentah untuk perniagaan nasi lemaknya
 III Encik Rosman melanjutkan pelajaran di sebuah universiti tempatan
 IV Penggunaan teknologi moden meningkatkan kecekapan pengeluaran
- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV
- 2 Pernyataan manakah yang betul berkaitan konsep kekurangan?
- A Cuaca panas menyebabkan bekalan ikan dan sayur-sayuran terjejas
 B Petani beralih ke tanaman jagung yang harganya lebih tinggi di pasaran
 C Kerajaan bercadang untuk membina sebuah hospital di Nilai, Negeri Sembilan
 D Tiada bonus bagi pekerja syarikat yang tidak mencapai petunjuk prestasi utama
- 3 Maklumat berikut berkaitan dengan ciri sistem ekonomi bagi dua buah negara.

Negara X	Negara Y
Kerajaan mengawal kebebasan individu dalam membuat pilihan terhadap barang dan perkhidmatan.	Kerajaan menetapkan pilihan individu dalam pemilikan barang dan perkhidmatan.

Apakah sistem yang diamalkan oleh kedua-dua negara tersebut?

	Sistem Ekonomi	
	Negara X	Negara Y
A	Perancangan Pusat	Pasaran Bebas
B	Pasaran Bebas	Campuran
C	Campuran	Perancangan Pusat
D	Perancangan Pusat	Campuran

- 4 Rajah di bawah berkaitan dengan permintaan terhadap perkhidmatan teksi.



Antara berikut, yang manakah menyebabkan perubahan permintaan tersebut?

- A Tambang teksi meningkat
 B Kereta grab menepati citarasa pengguna
 C Tambang pengangkutan awam lain meningkat
 D Kerajaan menghadkan pengeluaran permit teksi

5 Jadual manakah yang betul tentang penawaran pasaran?

A	Harga (RM)	Kuantiti penawaran (unit)		Pasaran (unit)
		Firma A	Firma B	
	10	28	36	64
	20	22	32	54
	30	15	25	40

B	Harga (RM)	Kuantiti penawaran (unit)		Pasaran (unit)
		Firma A	Firma B	
	10	18	35	53
	20	26	35	61
	30	33	40	73

C	Harga (RM)	Kuantiti penawaran (unit)		Pasaran (unit)
		Firma A	Firma B	
	10	13	17	30
	20	24	26	50
	30	27	34	61

D	Harga (RM)	Kuantiti penawaran (unit)		Pasaran (unit)
		Firma A	Firma B	
	10	30	30	60
	20	36	26	62
	30	37	23	60

6 Maklumat berikut berkaitan dengan suatu dasar kerajaan.

- Kerajaan memberi Bantuan Sara Hidup Rakyat (BSH) bersasar kepada golongan B40.

Apakah kesan pelaksanaan dasar tersebut?

- I Taraf hidup menurun
- II Kos sara hidup menurun
- III Perbelanjaan mengurus meningkat
- IV Permintaan barang dan perkhidmatan meningkat
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

7 Maklumat berikut berkaitan dengan keanjalan harga permintaan bagi Barang R.

- Pengguna sangat responsif terhadap perubahan harga.

Pernyataan manakah yang menerangkan situasi di atas?

- I Ketersediaan stok
 - II Barang tahan lama
 - III Sejenis barang mewah
 - IV Tiada barang pengganti
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV


8 Maklumat berikut berkaitan dengan pasaran cili merah di Malaysia.

KUALA LUMPUR – Lambakan cili import daripada Vietnam, Thailand dan China memberi kesan kepada petani dan usahawan cili tempatan. Kebanyakan pengusaha cili merah tempatan mengalami kerugian.


Sumber: Utusan Melayu, 27 Ogos 2018

Rajah manakah yang menunjukkan kesan situasi tersebut?


A




B




C



D



- 9 Rajah di bawah menunjukkan kesan perubahan harga ke atas kuantiti suatu barang.



Situasi manakah yang betul tentang rajah di atas?

	Jenis Keanjalan	Jumlah Hasil
A	Anjal	Meningkat
B	Anjal	Menurun
C	Tidak anjal	Menurun
D	Tidak anjal	Meningkat

[Lihat halaman sebelah
SULIT

- 10 Jadual di bawah menunjukkan harga dan kuantiti ditawar bagi suatu barang.

Harga (RM)	Kuantiti (unit)
30	150
32	200

Tafsiran manakah yang betul tentang keanjalan harga penawaran jika harga meningkat?

- A Harga meningkat 1%, kuantiti ditawar meningkat 0.2%
- B Harga meningkat 1%, kuantiti ditawar akan menurun 5%
- C Harga meningkat 2%, kuantiti ditawar akan meningkat 10%
- D Kuantiti ditawar meningkat 5%, harga akan meningkat 25%

- 11 Situasi manakah yang menerangkan fungsi bank perdagangan dalam menerima dan membuat bayaran?

- A Puan Sanggetha mewasiatkan asetnya kepada keluarga
- B Encik Fauzi membuat pinjaman untuk membeli rumah teres
- C Cik Zainah mendepositkan cek yang diterima di Bank Islam
- D Cik Nicole menyimpan wang sebanyak RM1 000 untuk tempoh setahun

- 12 Pernyataan manakah yang menerangkan prinsip Takjiri dalam Perbankan Islam?

- A Encik Saiful boleh mengambil alih harta yang disewa
- B Encik Affandy membeli rumah dengan pembayaran tertangguh
- C Pihak bank sebagai pemegang amanah sijil saham milik Puan Salmi
- D Syarikat Maju dan pihak bank berkongsi modal untuk membina pusat komersil

- 13 Gambar di bawah menunjukkan dua jenis pekerjaan mengikut sektor ekonomi.



Gambar 1




Gambar 2

Pasangan manakah yang betul?

	Gambar 1	Gambar 2
A	Sektor Kedua	Sektor Utama
B	Menerima upah	Menerima untung
C	Waktu bekerja tidak tetap	Waktu bekerja tetap
D	Faedah sampingan yang terhad	Faedah sampingan yang pelbagai


14 Maklumat berikut menunjukkan dua jenis potongan wajib.



Pernyataan manakah yang menunjukkan X?

- I Sumber kewangan semasa hari tua
 - II Menjaga kebijakan pekerja-pekerja
 - III Mengurangkan pendapatan semasa
 - IV Memberi perlindungan di luar jangka
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

15 Rajah di bawah menunjukkan fungsi Bank Negara Malaysia.



Apakah fungsi X dan Y?

	X	Y
A	Menjaga rizab berkanun	Mengawal inflasi
B	Mengurus pertukaran asing	Mengurus hutang negara
C	Memberi nasihat pelaburan	Mengawal pertukaran asing
D	Menyediakan akaun penjelasan	Mengawal kestabilan nilai mata wang

[Lihat halaman sebelah
SULIT]

16 Pilih pasangan yang betul.

Pendapatan Boleh Guna		Pendapatan Boleh Cukai
A	Pengiraan secara tahunan	Pengiraan secara bulanan
B	Tertakluk kepada jadual cukai pendapatan	Mempengaruhi jumlah cukai perlu dibayar
C	Pendapatan faktor produktif sahaja	Pendapatan faktor produktif dan tidak produktif
D	Perbezaan pendapatan dengan potongan wajib	Perbezaan pendapatan tahunan dengan pelepasan cukai

17 Perbualan di bawah berkaitan kaedah pembelian barang.

Sham : Saya dengar awak banyak membeli perabot baharu! Betul ke?
 Hozi : Ya. Saya guna kaedah bayaran secara kredit yang banyak kelebihannya.

Pernyataan manakah yang menjelaskan kelebihan kaedah di atas?

- I Bayaran pendahuluan yang rendah
 - II Pembeli membayar pada harga yang lebih murah
 - III Perbelanjaan pengguna dalam kawalan dan berhemah
 - IV Dapat menikmati barang walaupun harga belum dijelaskan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

18 Maklumat manakah yang betul tentang jenis pelaburan peribadi?

	Jenis pelaburan peribadi	Tahap risiko	Tahap pulangan
A	Emas	Sederhana	Tinggi
B	Saham syarikat	Tinggi	Sederhana
C	Simpanan tetap	Rendah	Tinggi
D	Sekuriti kerajaan	Sederhana	Rendah

- 19 Jadual di bawah berkaitan dengan kos pengeluaran suatu barang.

Tingkat Keluaran (unit)	Kos Berubah (RM)
10	200
20	450
30	660
40	970

Jika kos tetap ialah RM150, pada tingkat keluaran berapakah kos purata paling minimum?

- A 10 unit
- B 20 unit
- C 30 unit
- D 40 unit

- 20 Jadual di bawah menunjukkan perbelanjaan Encik Rosli sebagai penternak ikan.

Butiran	Kos (RM)
Pembinaan kolam	12 000
Pembelian peralatan	9 000
Pembelian benih dan makanan ikan	5 000

Encik Rosli telah meletak jawatan sebagai kerani kewangan dengan gaji RM3 000. Tapak kolam tersebut adalah miliknya sendiri bernilai RM8 000. Berapakah kos implisit dan kos eksplisitnya?

	Kos Implisit (RM)	Kos Eksplisit (RM)
A	11 000	26 000
B	3 000	34 000
C	20 000	17 000
D	8 000	29 000

- 21 Antara berikut, yang manakah peranan kerajaan dalam ekonomi?

- I Meningkatkan kebijakan masyarakat
 - II Mencapai pertumbuhan ekonomi mampan
 - III Mengeluarkan barang swasta dan barang sosial
 - IV Menyediakan barang yang tidak mempunyai pengganti
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV

- 22 Jadual di bawah berkaitan dengan tenaga buruh di Malaysia.

Tahun	Bekerja (ribu orang)	Penganggur (ribu orang)
2017	14 580.5	507.8
2018	14 933.4	516.5

Pilih pernyataan yang betul.

- A Guna tenaga penuh berlaku pada tahun 2018 sahaja
 - B Guna tenaga bagi tahun 2017 ialah 15 088.3 ribu orang
 - C Tenaga buruh pada tahun 2018 ialah 14 416.9 ribu orang
 - D Kadar pengangguran semakin berkurang pada tahun 2018
- 23 Kesan inflasi kepada masyarakat ialah ...
- I tabungan bertambah
 - II kuasa beli meningkat
 - III pendapatan benar menurun
 - IV kadar pengangguran berkurang
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 24 Pernyataan manakah yang betul tentang bentuk cukai yang dikenakan?
- A Kadar cukai pendapatan individu berkadar malar
 - B Cukai yang dikenakan kepada syarikat berbentuk progresif
 - C Levi yang dikenakan kepada majikan adalah bersifat regresif
 - D Kesan pengenaan GST adalah rendah bagi individu berpendapatan tinggi
- 25 Jadual di bawah menunjukkan sebahagian Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2016.

Butiran	RM (juta)
Pertanian	89 465
Perdagangan borong	75 134
Pembuatan	254 725
Perlombongan dan kuari	97 563
Pembinaan	50 103

Berapakah jumlah sumbangan sektor utama pada tahun tersebut?

- A RM164 599 juta
- B RM187 028 juta
- C RM304 828 juta
- D RM379 962 juta

26 Pasangan manakah yang betul?

	Perbelanjaan Mengurus	Perbelanjaan Pembangunan
A	Pembinaan Pengkalan Udara Sendayan	Bayaran balik pinjaman kepada KWSP
B	Transit aliran massa (MRT)	Perbelanjaan pemberian harta kerajaan
C	Gaji ahli bomba dan penyelamat	Pembinaan infrastruktur ICT
D	Pembukaan hospital daerah Tampin	Bantuan Sara Hidup Rakyat

27 Bagaimanakah belanjawan defisit memulihkan ketidakstabilan ekonomi?

- A Menaikkan kadar cukai
- B Mengurangkan kadar faedah
- C Menambah perbelanjaan kerajaan
- D Menurunkan kadar rizab berkanun

28 Alat dasar fiskal terdiri daripada...

- A nisbah rizab tunai
- B surat jaminan kerajaan
- C perbelanjaan pengguna
- D cukai pendapatan individu

29 Jadual di bawah berkaitan dengan tindakan bank pusat ke atas syarat sewa beli.

Tahun	Deposit (%)	Tempoh bayar balik (Tahun)
2017	10	9
2018	9	10


Antara berikut, yang manakah kesan tindakan tersebut?

- I Pelaburan firma bertambah
- II Tingkat harga umum menurun
- III Pertumbuhan ekonomi perlahan
- IV Keluaran Dalam Negara Kasar meningkat
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

[Lihat halaman sebelah
SULIT]

- 30 Mengapakah perdagangan antarabangsa penting kepada Malaysia?
I Pengkhususan yang berlebihan
II Meningkatkan peluang pekerjaan
III Menjalin hubungan sosial dan ekonomi
IV Mewujudkan persaingan kepada industri muda
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 31 Antara berikut, pernyataan manakah yang betul tentang peningkatan pelaburan langsung asing ke Malaysia?
A Pengurangan peluang pekerjaan
B Pemilikan ekuiti asing bertambah
C Penawaran Ringgit Malaysia bertambah
D Keseimbangan upah pekerja firma tempatan dan asing
- 32 Antara berikut, yang manakah dicatatkan sebagai pendapatan sekunder?
A Kiriman wang
B Pampasan pekerja
C Dividen daripada pelaburan
D Bayaran penggunaan aset kerajaan
- 33 Situasi manakah yang menyumbang kepada lebihan akaun semasa?
I Peningkatan kemahiran buruh
II Permintaan yang tinggi untuk eksport
III Kenaikan nilai mata wang Ringgit Malaysia
IV Barang eksport Malaysia kurang berdaya saing
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 34 Antara berikut, yang manakah merupakan eksport nampak Malaysia?
A Barang pengguna
B Barang pelaburan
C Barang pembuatan
D Barang perantaraan

- 35 Rajah berikut menunjukkan keluk permintaan dan keluk penawaran bagi Barang X dalam sebuah negara. Harga keseimbangan domestik sebelum subsidi ialah $O P_0$ dan $O P_1$ ialah harga selepas pemberian subsidi.



Pasangan manakah yang betul selepas subsidi diberikan?

	Penawaran Domestik Barang X	Jumlah Barang X yang diimport
A	$Q_1 + Q_1 Q_0$	$Q_0 Q_2$
B	$Q_1 + Q_0 Q_2$	$Q_0 Q_1$
C	$O Q_0$	$Q_0 Q_2$
D	$Q_1 Q_2$	$O Q_1$

- 36 Maklumat berikut berkaitan dengan sekatan perdagangan antarabangsa.

Bank pusat menghadkan jualan Euro dalam pasaran.

Manakah bentuk sekatan yang betul?

- A Tarif
- B Kuota
- C Subsidi eksport
- D Kawalan pertukaran asing

- 37 Apakah kesan kejatuhan nilai Ringgit Malaysia?

- A Eksport Malaysia akan merosot
- B Import Malaysia akan bertambah
- C Imbangan dagangan boleh menjadi negatif
- D Aliran masuk wang ke dalam negara bertambah

Soalan **38** hingga **40** berdasarkan pilihan jawapan dalam jadual di bawah.

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

- 38 I Kuota meningkatkan hasil kerajaan.
 II Subsidi meningkatkan daya saing barang tempatan.
- 39 I Syarikat multinasional memasuki pasaran antarabangsa kerana perlindungan perdagangan.
 II Perlindungan perdagangan membolehkan syarikat multinasional dikenakan kadar cukai yang lebih rendah.
- 40 I Kenaikan Yen menyebabkan jumlah import Malaysia dari Jepun berkurang.
 II Penggunaan komponen import dari Jepun akan menaikkan harga barang tempatan.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT